



BORANG PENYERTAAN

MENCIPTA LOGO

SILA LENGKAPKAN BUTIRAN- BUTIRAN TERSEBUT :

NAMA	<input type="text"/>
ALAMAT	<input type="text"/>
NO K/P	<input type="text"/>
NO TELEFON	<input type="text"/>
PEKERJAAN	<input type="text"/>
EMAIL	<input type="text"/>

Perakuan Peserta Peraduan:

Saya nombor Kad pengenalan ,mengaku bahawa logo yang dicipta adalah asli dan tidak meniru atau mengguna pakai logo mana- mana pihak atau individu.

TANDATANGAN

.....

LAMPIRAN C



BORANG PENYERTAAN SLOGAN & LAGU PENGENALAN

SILA LENGKAPKAN BUTIRAN DIBAWAH

NAMA	<input type="text"/>
ALAMAT	<input type="text"/>
NO K/P	<input type="text"/>
NO TELEFON	<input type="text"/>
PEKERJAAN	<input type="text"/>
EMAIL	<input type="text"/>

Perakuan Peserta Peraduan:

Saya nombor Kad pengenalan ,mengaku bahawa slogan dan lagu pengenalan adalah karya asli dan tidak meniru mana – mana pihak

TANDATANGAN

.....

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO TERENGGANUfm

1. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

1.1. Penyertaan

- Penyertaan pertandingan ini adalah terbuka kepada semua WARGANEGARA Malaysia.
- Objektif pertandingan ini adalah untuk mendapatkan logo yang melambangkan transformasi Terengganufm ke arah lebih efisien

1.2. Spesifikasi Reka Bentuk Logo

- Reka Bentuk haruslah **baru** dan **asli**;
- Bercirikan unsur tempatan Negeri Terengganu
- Saiz rekaan tidak melebihi saiz kertas A4;
- Menggambarkan identiti dan imej korporat RTM Terengganu serta memberi gambaran grafik yang amat berkesan kepada organisasi;
- Reka bentuk boleh dilukis dengan tangan (*free hand*) atau grafik komputer;
- Reka bentuk hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas;
- Setiap warna dan bentuk yang digunakan dalam rekaan logo hendaklah disertakan dengan definisi bagi setiap simbol atau warna yang digunakan.

1.3. Dokumen Permohonan Penyertaan

Setiap peserta yang ingin menyertai pertandingan ini dikehendaki Menyediakan dokumen-dokumen seperti berikut:

a. Borang Penyertaan

Borang adalah seperti yang terdapat di lampiran. Hendaklah diisi oleh setiap peserta yang ingin menyertai pertandingan ini.

b. *Layout/Design* Logo

i. *Layout/Design* hendaklah direka di atas kertas bersaiz A4 dan diajukan kepada pihak Urus Setia pertandingan bersama-sama dengan borang penyertaan.

ii. Penyertaan adalah percuma. Para peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.

iii. Maklumat berikut hendaklah dicatatkan dengan jelas di belakang hasil karya masing-masing iaitu:

- Nama Penuh;
- Nombor Kad Pengenalan;
- Alamat Penuh
- Nombor Telefon
- Penyertaan hendaklah dihantar dalam bentuk *hard copy* dan *soft copy* sama ada melalui :

Pos .Emel (dalam format jpeg) atau hantarkan ke alamat yang dinyatakan.

1.4. Tempoh Penyertaan

Penyertaan dibuka hingga **15 Disember 2011**. Sebarang penyertaan selepas **tarikh tersebut** tidak akan dilayan oleh pihak Urus Setia.

2. METODOLOGI PENILAIAN

2.1. Penilaian akan dilakukan terhadap semua penyertaan yang diterima daripada peserta yang menyertai pertandingan ini.

2.2. Penilaian akan dijalankan melalui penelitian terhadap *layout/design* logo yang dihantar kepada Urus Setia pertandingan. Kriteria-kriteria yang diambil kira adalah seperti yang terdapat di lampiran.

2.3 Serentak dengan penerimaan hadiah, para peserta turut memberi kebenaran kepada Terengganufm serta agensi-agensinya untuk menggunakan nama dan karya mereka untuk tujuan publisiti, pengiklanan dan/atau perdagangan tanpa sebarang bayaran pampasan mahupun pemberitahuan.

3. HADIAH PERTANDINGAN

3.2.1. Pemenang akan menerima hadiah wang tunai RM300.00 , hadiah iringan dan sijil penghargaan.

3.2.2. Terengganufm berhak untuk mengganti sebarang hadiah dengan hadiah-hadiah lain yang sama nilainya tanpa sebarang notis.

4. PANEL PENILAI

Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan **MUKTAMAD** oleh Panel Penilai dan Panel Penilai **berhak untuk membatalkan** penyertaan pada mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan. Panel Penilai berhak mengubahsuai dan meminda reka bentuk logo yang disertai sekiranya perlu dan logo yang terpilih akan diguna pakai dan menjadi hak milik RTM Terengganu

PERADUAN MENCIPTA SLOGAN DAN LAGU PENGENALAN TFM

PENGENALAN

Peraduan mencipta Slogan dan Lagu Pengenalan Terengganufm diadakan sebagai salah satu langkah penjenamaan semula Radio Malaysia Terengganufm

SYARAT PERADUAN

1. Peraduan ini terbuka kepada semua pencipta lagu dan pendengar Terengganufm samada amatir atau profesional.
2. Penciptaan lagu haruslah mengekalkan nama Terengganufm tetapi dengan slogan yang baru (slogan sedia ada "mesra ceria")
3. Lagu hendaklah ciptaan asal dan dihantar dalam dua versi ,versi pertama dengan durasi tidak melebihi jangka masa 30 saat manakala versi ke dua dengan durasi 15 saat.
5. Ciptaan lagu adalah bebas. Penilaian akan diberikan kepada aspek kreativiti melodi yang bermutu,catchy, bernilai komersil dan menepati konsep serta mampu menarik minat semua golongan pendengar.
7. Penyertaan mestilah disertakan dalam bentuk CD dengan rakaman suara menggunakan sekurang-kurangnya satu alat muzik iringan atau menyertakan skor dengan lirik (melodi).
8. Sebarang pertanyaan boleh hubungi Terengganufm di talian 096222200
9. Lagu-lagu yang terpilih ke peringkat akhir sahaja akan menjadi hak milik penganjur.
10. Keputusan juri adalah **MUKTAMAD**.

11.HADIAH PERADUAN LAGU TEMA.

Lagu ciptaan yang terpilih sebagai pemenang akan menerima wang tunai berjumlah: **RM1,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Ringgit sahaja)**

12. Serentak dengan penerimaan hadiah, para peserta turut memberi kebenaran kepada Terengganufm serta agensi-agensinya untuk menggunakan nama dan karya mereka untuk tujuan publisiti, pengiklanan dan/atau perdagangan tanpa sebarang bayaran pampasan mahupun pemberitahuan.

13.Tarikh tutup penyertaan ialah pada 15 Disember 2011 dan penyertaan hendaklah dihantar terus ke alamat berikut:

Jabatan Penyiaran Malaysia
Negeri Terengganu,
Peti Surat 63,
Poskod 20914,
Kuala Terengganu.

...//